

Pusat baru di SGH satukan khidmat pemindahan

SINGHEALTH telah melancarkan sebuah pusat penyakit baru di Hospital Besar Singapura (SGH) yang menyatukan kesemua pakar pemindahan, termasuk dalam kajian dan pendidikan.

Ia merupakan satu usaha untuk memperbaiki jagaan pemindahan serta meningkatkan akses kepada organ.

Pusat Pemindahan SingHealth Duke-NUS itu akan menggabungkan semua khidmat pemindahan kumpulan perubatan termasuk organ, tisu dan sel.

Antaranya termasuk pemindahan ginjal, hati, jantung, serta tisu kornea, tisu ovari dan pemindahan darah tali pusat.

Berucap semasa pelancarannya semalam, Menteri Kesihatan Encik Gan Kim Yong, berkata:

“Pusat pemindahan baru ini bertujuan menyelaraskan pakar klinikal pemindahan SingHealth dengan keupayaan kajian dan pendidikan.

“Ia akan meneroka cara memperbaiki kadar penakatan pemindahan, mengoptimalkan mutu kehidupan pesakit dan memastikan kos berkaitan pemindahan dalam kemampuan pesakit.”

Pusat itu diketuai Profesor Madya Prema Raj Jeyaraj, yang merupakan konsultan kanan di Jabatan Hepatopancreatobiliary (HPB) dan Pembedahan Pemindahan, Hospital Besar Singapura (SGH).

Jabatan tersebut khusus merawat penyakit tidak merbahaya dan malignan bagi hati, pankreas, punji hempedu dan saluran hempedu.

Menurut beliau, pusat itu akan menyaksikan pakar jagaan kesihatan dari pelbagai disiplin seperti pakar diet, ahli fisioterapi, jururawat dan doktor, saling bekerjasama demi memperbaiki jagaan melibatkan pemindahan, meningkatkan ak-

ses kepada organ dan mengurangkan masa menunggu.

Menurut Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan, purata masa menunggu bagi mendapatkan pemindahan ginjal di sini ialah sembilan tahun.

Lebih daripada 250 pesakit berada dalam senarai menunggu.

Menurut Profesor Prema Raj, satu cara meningkatkan bekalan organ bagi pemindahan ialah dengan mendapatkannya daripada penderma selepas kematian, iaitu apabila degupan jantung terhenti.

Pada masa ini, organ seperti ginjal, jantung dan hati diambil daripada penderma selepas kematian otak, tambahnya.

Ini kerana kebanyakan organ penting dengan segera tidak dapat digunakan untuk pemindahan sejurus selepas bekalan oksigen terputus.

Namun, jika doktor berupaya mendapatkan organ dalam tempoh sekitar 55 minit selepas kematian itu, ia masih boleh digunakan, kata Profesor Prema Raj.

“Pada masa ini terdapat percubaan yang sedang dijalankan di Hospital Tan Tock Seng (TTSH) menggunakan ginjal daripada penderma selepas kematian.

“Kami mahu melanjutkannya kepada organ lain juga.

“Saya fikir dengan itu, ia akan mengurangkan keperluan kami daripada bergantung kepada penderma hidup,” katanya lapor, *The Straits Times*.

Pusat itu juga akan bekerjasama dengan Unit Pemindahan Organ Nasional dan institusi seperti Pusat Universiti Nasional bagi Pemindahan Organ.

Ini bagi meningkatkan kesedaran dan pendidikan berhubung pemindahan organ dalam kalangan karyawan jagaan kesihatan dan orang ramai, tambah Profesor Prema Raj.